

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT “SAHABAT AGRO REWARD CAMPAIGN” BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (“AGROBANK”) (811810-U)

1. DEFINISI

Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut akan mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:-

“**BANK**” bermaksud Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) (No. Syarikat 811810-U) syarikat yang telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftaranya di Tingkat 3, Bangunan Agrobank Leboh Pasar Besar Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur;

“**HADIAH KEMPEN**” bermaksud hadiah yang ditawarkan dalam Terma dan Syarat Kempen ini sahaja.

“**KEMPEN**” bermaksud Kempen “Sahabat Agro Reward Campaign” yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma dan Syarat yang ditetapkan dalam dokumen ini;

“**PELANGGAN**” bermaksud pelanggan Bank yang telah menjadi Sahabat Agro di Bank;

“**PEMENANG**” bermaksud Pelanggan iaitu ahli Sahabat Agro yang telah dikenalpasti menepati semua kriteria yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini dan layak untuk Hadiah Kempen;

“**SAHABAT AGRO**” bermaksud sebuah program pemasaran yang ditawarkan oleh pihak Agrobank yang menggunakan konsep **KEAHLIAN**, **RUJUKAN** dan **GANJARAN** untuk mempromosikan produk AgroPrimaS.

“**SISTEM CABUTAN BERTUAH**” bermaksud sistem yang disediakan oleh Bank untuk digunakan bagi tujuan melaksanakan aktiviti cabutan bertuah.

“**TAKAFUL IKHLAS BERHAD (TIB)**” bermaksud syarikat yang dilantik oleh pihak Bank untuk menguruskan Polisi Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok / Group Personal Accident (GPA).

“**TEMPOH KEMPEN**” bermaksud kempen yang bermula dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;

“**TERMA DAN SYARAT**” bermaksud Terma-Terma dan Syarat-Syarat ‘Sahabat Agro Reward Campaign’ Bank Pertanian Malaysia Berhad;

2. HADIAH KEMPEN

A. PAKEJ UMRAH (BAGI YANG BERAGAMA ISLAM) ATAU PAKEJ PERCUTIAN KE LUAR NEGARA (BAGI YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM)

1. Kelayakan

- 1.1 Terbuka kepada ahli Sahabat Agro (individu sahaja) yang telah mencapai ganjaran bulanan sebanyak RM2,000 dan ke atas dalam tempoh kempen adalah layak untuk mendapat pakej tersebut.
- 1.2 Nilai Pakej Umrah atau Pakej Percutian ke Luar Negara adalah mengikut budibicara pihak Bank dan hanya boleh ditebus di agensi pelancongan yang dilantik oleh pihak Bank yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank.
- 1.3 Bagi Pemenang yang bukan beragama Islam, destinasi percutian bagi Pakej Percutian ke Luar Negara akan ditentukan oleh pihak Bank mengikut budibicara pihak Bank.
- 1.4 Nilai Pakej Umrah atau Pakej Percutian ke Luar Negara ini tidak boleh dipindahmilik tetapi boleh ditukar kepada bentuk wang tunai mengikut budibicara pihak Bank.
- 1.5 Tertakluk perkara 1.4, bagi pertukaran nilai Pakej Umrah atau Pakej Percutian ke Luar Negara kepada bentuk wang tunai, jumlah wang tunai maksima yang dibenarkan adalah terhad kepada RM5,000 sahaja.
- 1.6 Nilai Pakej Umrah atau Pakej Percutian ke Luar Negara merangkumi harga termasuk kemudahan penginapan, lawatan, makan dan tambang penerbangan pergi balik sahaja bagi satu (1) orang sahaja. Bank tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos pengurusan seperti passport, visa, suntikan imunisasi dan lain-lain kos dan perbelanjaan yang terlibat.
- 1.7 Pakej Umrah atau Pakej Percutian ke Luar Negara ini adalah sah bagi tempoh selama enam (6) bulan bermula dari tarikh pakej dikeluarkan atau bagi Pakej Umrah, tempoh sah pakej adalah mengikut tempoh musim Umrah yang ditentukan oleh agensi pelancongan yang dilantik oleh pihak Bank.
- 1.8 Tertakluk kepada perkara 1.5, nilai Pakej Umrah boleh ditukar kepada bentuk wang tunai sekiranya Pemenang yang layak tidak memenuhi kriteria kelayakan untuk menunaikan ibadah umrah.

B. HADIAH CABUTAN BERTUAH BULANAN

1. Kelayakan

- 1.1 Terbuka kepada Pelanggan (individu dan bukan individu) yang mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro dan membuka Akaun AgroPrimaS dengan nilai deposit terkumpul minima sebanyak RM 1,000 dan ke atas.
- 1.2 Pelanggan perlu memastikan jumlah baki dalam akaun Agro PrimaS adalah minima sebanyak RM1,000 yang mana perlu dikekalkan sehingga hujung bulan untuk membolehkan nama layak untuk berada dalam senarai Cabutan Bertuah pada bulan tersebut.
- 1.3 Pembukaan akaun dan kemasukan deposit adalah tidak terhad kepada tarikh dan masa. Sekiranya Pelanggan membuka Akaun Agro PrimaS pada tarikh terakhir dalam bulan tersebut, Pelanggan dikira layak untuk disenaraikan dalam senarai cabutan bertuah untuk bulan tersebut.
- 1.4 Bagi setiap nilai deposit RM 1,000 yang disimpan oleh pelanggan di dalam Akaun AgroPrimaS, Pelanggan layak untuk mendapat satu peluang bagi cabutan bertuah.

Contoh:

Pelanggan mempunyai nilai deposit RM 10,000 di dalam Akaun AgroPrimaS pada bulan Januari 2017, maka pelanggan mempunyai sepuluh (10) peluang bagi cabutan bertuah bulanan untuk bulan Januari 2017.

- 1.5 Pelanggan hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah cabutan bertuah bulanan sahaja sepanjang tempoh kempen. Pelanggan yang telah memenangi hadiah kempen cabutan bertuah bulanan tidak akan disenaraikan di dalam senarai Pelanggan yang layak untuk cabutan bertuah pada bulan-bulan yang seterusnya.
- 1.6 Tiada had penyertaan yang dikenakan kepada Pelanggan; Pelanggan layak untuk dicalonkan di dalam Cabutan Bertuah Bulanan sepanjang tempoh kempen selagimana pelanggan menepati syarat-syarat yang ditetapkan di dalam para 1.1 hingga 1.5.

2. Hadiah Cabutan Bulanan

- 2.1 Hadiah cabutan bulanan akan diberikan kepada Pemenang setiap bulan selama 12 bulan seperti berikut:

Kategori	Hadiah	Jumlah (RM)	Bilangan Pemenang setiap Bulan
1	Wang Tunai	2,000	1 ORANG
2	Wang Tunai	1,000	2 ORANG
3	Wang Tunai	500	12 ORANG
JUMLAH PEMENANG SETIAP BULAN			15 ORANG

- 2.2 Hadiah berupa wang tunai tersebut akan di kreditkan dalam akaun AgroPrimaS Pemenang yang dibuka di atas nama Pelanggan. Pihak Bank akan menghubungi dan memaklumkan Pemenang berkenaan urusan pengkreditan hadiah wang tunai tersebut.

3. Kaedah Pemilihan

- 3.1 Pelanggan-pelanggan yang memenuhi ciri-ciri dan syarat kelayakan bagi hadiah cabutan bertuah bulanan akan disenarai pendek secara rawak melalui Sistem Cabutan Bertuah bagi setiap bulan untuk Cabutan Bulanan selama 12 bulan berturut-turut bermula pada bulan Januari 2017 dan berakhir pada bulan Disember 2017.

C. HADIAH PERUJUK TERTINGGI / “TOP HIGHEST RECRUITER (REFERRAL)”

1. Kelayakan

- 1.1 Ahli Sahabat Agro (individu dan bukan individu) yang mendaftar ahli baru tertinggi di dalam setiap bulan (minima 15 orang) ahli rujukan dibawah rangkaian peringkat pertama berpeluang untuk memenangi Hadiah Perujuk Tertinggi / “Top Highest Recruiter (Referral)”.

2. Hadiah Bulanan

- 2.1 Hadiah bulanan akan diberikan kepada Pemenang setiap bulan selama 12 bulan seperti berikut:

Tempat	Hadiah	Jumlah (RM)	Bilangan Pemenang setiap Bulan
Pertama Tertinggi	Wang Tunai	2,000	1 Orang
Kedua Tertinggi	Wang Tunai	1,500	1 Orang
Ketiga Tertinggi	Wang Tunai	1,000	1 Orang
JUMLAH PEMENANG SETIAP BULAN			3 Orang

- 2.2 Hadiah berupa wang tunai tersebut akan di kreditkan dalam akaun AgroPrimaS Pemenang yang dibuka atas nama Pelanggan. Pihak Bank akan menghubungi dan memaklumkan Pemenang berkenaan urusan pengkreditan hadiah wang tunai tersebut.

3. Kaedah Pemilihan

- 3.1 Nama Pelanggan yang layak akan disenarai pendek melalui laporan bulanan Sahabat Agro yang diperolehi dari Sistem Sahabat Agro (SARMS) untuk pemilihan senarai pemenang bulanan.
- 3.2 Pemilihan bagi Pemenang Hadiah Perujuk Tertinggi akan dibuat berdasarkan kaedah seperti berikut:

- Pelanggan yang berjaya merujuk jumlah ahli baru paling ramai (Minima 15 orang) akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Perujuk Tertinggi setiap bulan;
 - Sekiranya terdapat lebih dari seorang Pelanggan yang berkecayaan yang mempunyai jumlah ahli rujukan yang sama, maka pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan kepada jumlah deposit terkumpul dalam rangkaian peringkat pertama.
 - Sekiranya terdapat lebih dari seorang Pelanggan yang berkecayaan yang mempunyai jumlah deposit terkumpul dengan nilai yang sama, maka pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan kepada Pelanggan yang mendahului mencapai jumlah perujuk tertinggi mengikut tarikh dan masa ahli terakhir membuka akaun Agro PrimaS.
- 3.3 Setiap Pelanggan yang memenuhi ciri-ciri keceayaan berpeluang untuk disenarai pendek bagi keceayaan mendapat Hadiah Perujuk Tertinggi / “Top Highest Recruiter (Referral)” setiap bulan.

D. PERLINDUNGAN TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK

1. Kelayakan

- 1.1 Pelanggan baru atau ahli sediaada Sahabat Agro (individu sahaja) yang membuka Akaun Agro PrimaS dengan mendepositkan jumlah deposit minima sebanyak RM2,000 (*lumpsum*) dan ke atas dalam Tempoh Kempen adalah layak untuk mendapat Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok secara percuma ini sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen diadakan.
- 1.2 Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok ini memberi perlindungan 24 jam sehari dan adalah sah bagi tempoh selama 1 (Satu) tahun bermula dari tarikh pembukaan Akaun Agro PrimaS.
- 1.3 Kaedah pemilihan adalah berdasarkan pelanggan atau ahli yang telah mendeposit sebanyak minima RM2,000 ke atas dalam tempoh kempen adalah dengan serta merta layak mendapat pelan perlindungan ini.

2. Pelan Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok

2.1 Manfaat

TAKAFUL IKHLAS BERHAD (TIB)	
PERKARA	PERLINDUNGAN
Perlindungan	Kemalangan Diri 24 jam

Kematian Akibat Kemalangan	RM 30,000
Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	RM 30,000
Badal Haji	RM 2,500
Khairat Kematian	RM 1,500
Waqaf	RM 500

Nota: Manfaat Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok yang ditawarkan di atas adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dan syarat yang akan ditentukan oleh pihak Bank dan TIB dari semasa ke semasa.

- 2.2 Pelanggan yang layak menerima Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok boleh membuat tuntutan melalui Cawangan Agrobank di mana Akaun AgroPrimaS dibuka dengan mengisi borang-borang yang berkaitan.
- 2.3 Pihak Bank akan mengemukakan nama Pelanggan yang layak kepada pihak TIB dan membuat tuntutan kepada pihak TIB setelah menerima borang yang lengkap dari Pelanggan bagi tujuan mengaktifkan Polisi Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok / Group Personal Accident (GPA).
- 2.4 Tempoh pemprosesan dan kelulusan tuntutan oleh pihak TIB adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak TIB.

3. LAIN-LAIN TERMA DAN SYARAT

1. Tempoh Kempen

- i. Tempoh sah Kempen adalah bermula dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017.
- ii. Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen mengikut budibicara Bank.

2. Pemilihan Pemenang

- i. Pemenang akan ditentukan oleh jawatankuasa pemilihan pemenang dan sebarang keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan dan pertikaian berkaitan pemilihan pemenang tidak akan diterima oleh pihak Bank.

3. Notis Pemberitahuan Pemenang

Pemenang-pemenang akan dimaklumkan melalui surat, emel dan/atau panggilan telefon. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman sesawang Bank di www.agrobank.com.my yang akan dimuatnaik dari semasa ke semasa oleh pihak Bank.

4. Hadiah-hadiah Kempen

- i. Hadiah hendaklah didaftarkan di atas nama Pemenang sahaja.
- ii. Pelanggan berpeluang untuk memenangi atau melayakkan diri untuk menerima lebih dari satu Hadiah Kempen yang ditawarkan di dalam Kempen ini sekiranya Pelanggan mematuhi kelayakan yang ditetapkan, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- iii. Pemenang bagi setiap Hadiah Kempen hendaklah bertanggungjawab ke atas semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj, kos dan perbelanjaan yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
- iv. Bank mempunyai hak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilai pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.

5. Tuntutan Hadiah

- i. Pemenang dikehendaki menuntut Hadiah Kempen dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh surat makluman yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemenang. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan sekiranya Pemenang gagal berbuat demikian.
- ii. Untuk menuntut Hadiah Kempen, Pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk tujuan pengesahan identiti dan Pelanggan juga perlu menandatangani borang / perisytiharan (jika berkaitan) sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Bank.
- iii. Di dalam kes kematian di mana Pelanggan adalah Pemenang bagi Hadiah Kempen, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh waris / penama yang sah kepada si mati dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian tertakluk kepada waris tersebut mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Bank tertakluk kepada syarat dibawah:
 - Pakej Umrah/Percutian Ke Luar Negara – waris / penama yang sah hanya boleh menuntut wang tunai sebanyak RM5,000 sahaja.
 - Hadiah Cabutan Bertuah – waris/ penama yang sah boleh menuntut hadiah/wang tunai yang dimenangi.
 - Hadiah Perujuk Tertinggi – waris/ penama yang sah boleh menuntut hadiah/wang tunai yang dimenangi.
 - Hadiah Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok – waris yang sah boleh membuat tuntutan terhadap Polisi Perlindungan Takaful Kemalangan Berkelompok ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak TIB.

- iv. Jika Pemenang diketahui tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, pihak Bank berhak untuk membatalkan atau menarik kembali tawaran hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada Pelanggan lain yang berkelayakan sebagaimana yang dapat ditentukan oleh pihak Bank.

6. Pengesahan dan Penguatkuasaan

- i. Pihak Bank berhak untuk menukar atau meminda mana-mana aspek di dalam Kempen atau mana-mana bahagian di dalam Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu.
- ii. Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh pihak Bank, Pelanggan adalah tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada pihak Bank untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- iii. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju kepada perkara-perkara berikut:
 - a) untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini beserta mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dari agensi yang dilantik oleh pihak Bank;
 - b) Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memproses data peribadi pelanggan bagi tujuan Kempen ini termasuk untuk mentadbir penyertaan pelanggan dalam Kempen ini dan memproses data peribadi pelanggan mengikut Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Bagi mematuhi peruntukan-peruntukan berhubung privasi data peribadi pelanggan, pihak Bank telah memperkenalkan NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“Notis Akta PDP”) yang boleh diakses melalui laman web Bank di www.agrobank.com.my.
 - c) Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Pelanggan yang telah disenarai pendek sebagai Pemenang di laman web Bank untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Pelanggan pada bila-bila masa boleh memilih untuk menarik kembali kebenaran yang diberikan dengan menghubungi pihak Bank.
- iv. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau apa-apa kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam Kempen ini atau sebagai akibat dari tindakan atau peninggalan dari bahagian pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian alam

semulajadi, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan pihak Bank.

- v. Selain dari Terma dan Syarat khusus Kempen yang dinyatakan di sini, terma-terma dan syarat-syarat lain yang termaktub di dalam Terma dan Syarat Sahabat Agro hendaklah diguna pakai.
- vi. Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini hendaklah diguna pakai.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Agrobank atau lawati laman sesawang kami di www.agrobank.com.my.